



# KENYATAAN MEDIA

***Untuk siaran segera***

## **INSIDEN SUKE: DUA KONTRAKTOR DIKENAKAN PENALTI RM300,000**

**KUALA LUMPUR (11 Oktober 2021)** - Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) mengenakan penalti berjumlah RM300,000 kepada dua kontraktor yang terlibat dengan projek Lebuhraya Bertingkat Sungai Besi-Ulu Kelang (SUKER) kerana gagal memastikan keselamatan di tapak bina yang mengakibatkan kemalangan maut pada 22 Mac 2021.

Denda tersebut dikenakan melalui prosiding tindakan tatatertib kontraktor yang telah diadakan pada 20 September 2021. Prosiding tersebut memutuskan kontraktor utama untuk Pakej CA3, jajaran CH4200 hingga CH7800 Projek SUKE iaitu Syarikat Muhibah Perniagaan dan Pembinaan Sdn Bhd dikenakan penalti sebanyak RM100,000. Sementara itu, subkontraktor untuk projek yang sama, China Communications Construction Company (M) Sdn Bhd pula dikenakan penalti RM200,000.

Kedua-dua kontraktor tersebut didapati bersalah di bawah Seksyen 34B(1)(b), Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (Akta 520) yang memperuntukkan setiap kontraktor perlu memastikan keselamatan bangunan dan kerja pembinaan sama ada semasa atau selepas pembinaan. Sekiranya kontraktor gagal memastikan keselamatan, CIDB boleh mengenakan penalti yang tidak melebihi RM500,000 ke atas kontraktor tersebut.

Pada 22 Mac yang lalu, tiga maut dan seorang cedera apabila salah satu daripada komponen kren gantri terjatuh di tapak projek pembinaan SUKE dan menghempap sebuah kereta di Persiaran Alam Damai, Cheras.

Bagi menjamin keselamatan awam dan langkah-langkah kerja bagi projek SUKE, CIDB turut menyarankan agar kontraktor terbabit melakukan audit keselamatan oleh pihak ketiga terhadap keselamatan projek, cara kerja dan pengendalian serta pengurusan tapak bina.

Pada November 2020, CIDB telah mengenakan penalti sebanyak RM180,000 kepada dua kontraktor yang terlibat dengan pembinaan pakej CA2, SUKE, berikutan kejadian bongkah konkrit terjatuh dari struktur pembinaan lebuh raya itu dan menimpa sebuah kenderaan pada 19 September 2020.

Di dalam kes tersebut, kontraktor utama, telah dikenakan penalti RM80,000 manakala subkontraktor pula dikenakan penalti RM100,000.

CIDB memandang serius setiap kemalangan yang berlaku di sektor pembinaan dan mengingatkan penggiat industri agar sentiasa komited untuk terus meningkatkan tahap keselamatan serta menjaga keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tapak pembinaan, kata Datuk, Ir Ahmad 'Asri Abdul Hamid, Ketua Eksekutif CIDB Malaysia.

### **Mengenai CIDB Malaysia**

Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) ditubuhkan menerusi Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan 1994 (Akta 520) bagi membina kapasiti dan kapabiliti industri pembinaan melalui peningkatan kualiti dan produktiviti dengan memberi penekanan kepada profesionalisme, inovasi dan pengetahuan ke arah kehidupan yang berkualiti.

---